

05 JUL 1999

Abdullah-Bisu

TIADA "SINDROM BISU" DALAM UMNO DAN KERAJAAN, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, "sindrom membisu" tidak wujud dalam Umno atau kerajaan dan pemimpin-pemimpin bebas menyuarakan pandangan mereka.

Beliau berkata, jika ada perkara-perkara yang perlu dibincang di mesyuarat Kabinet, mesyuarat Majlis Tertinggi Umno atau Majlis Tertinggi Barisan Nasional semua yang hadir bebas berbincang secara terbuka tanpa apa-apa halangan.

"Perdana Menteri tidak pernah menghalang sesiapaapun daripada membincangkan apa-apa yang dikemukakan dalam mesyuarat yang dipengeruskannya," kata beliau kepada pemberita selepas menerima kunjungan rakan sejawatannya dari Republik Kyrgyz, Esengul Omuraliev, di pejabatnya di sini, hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan penulis novel "Shit", Datuk Shahnnon Ahmad bahawa beliau menulis novel itu kerana terdapat "sindrom membisu" dalam Umno dan kerajaan.

Menurut Abdullah lagi, Shahnnon tidak kenal dan tidak tahu apa yang berlaku dalam Umno dan kerajaan serta karya beliau adalah berdasarkan pandangannya dari jauh atau berdasarkan apa yang diberitahu oleh orang lain.

"Dia tidak terlibat dalam rundingan atau perbincangan terutama pemimpin parti atau pemimpin kerajaan. Kalau dia tahu dia tidak akan mengeluarkan fikiran begitu," katanya.

Mengenai kenyataan Shahnnon menafikan beliau meminta maaf kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menulis novel itu, Abdullah berkata itu juga menunjukkan pendirian Shahnnon yang sukar diterima.

"Payahlah kalau kejam kata begitu, kejam tak begitu. Tak tentu dalam fikirannya apa nak cakap atau nak buat," katanya.

Shahnnon sebelum ini dilaporkan memohon maaf secara terbuka sekiranya novel karya beliau telah menghina Perdana Menteri.

Abdullah berkata beliau tidak hairan Shahnnon mempertahankan novel "Shit" sedangkan ia rata-rata dikutuk kerana menggunakan bahasa yang tidak dapat diterima ramai.

Beliau juga berkata Shahnnon tidak wajar menganggap wartawan yang menulis berita mengenai beliau meminta maaf kepada Dr Mahathir sebagai "wartawan jalanan" kerana wartawan adalah golongan yang bertanggungjawab dan tahu apa yang perlu ditulis atau dilaporkan dalam rencana atau penulisan mereka.

"Kadang-kadang apa yang ditulis ada yang tidak senang. Banyak orang hendak melihat tulisan-tulisan yang menentang kerajaan atau cerita-cerita bohong akan apa yang dilakukan kerajaan," katanya.

Jika wartawan menulis berita berbentuk penerangan, penjelasan atau yang memberi maklumat, mereka dianggap "pengampu" kerajaan sedangkan itu bukan satu kesalahan, katanya sambil menambah tahap tanggungjawab dan sikap bertanggungjawab wartawan tanah air patut dipuji.

-- BERNAMA

AR PR